

Larian Nilai 3 Half Marathon sedia cabutan bertuah RM200,000

SEKEMBAN 21 Mac – Setiap peserta yang mendaftar untuk menyertai larian Nilai 3 Half Marathon pada 27 Mac depan berpeluang memenangi cabutan bertuah bernilai RM200,000 termasuk sebuah lot kedai, kereta Kancil dan barangan elektrik serta kelengkapan rumah.

Pengurus Promosi dan Pemasaran Majlis Tindakan Pelancongan Negeri (MTPN), Mohd. Hatta Said berkata, hadiah lumayan itu tidak termasuk wang tunai RM32,000 yang disediakan oleh pihak penganjur bagi pemenang 10 kategori larian yang diadakan.

“Hadiah lumayan yang disediakan itu merupakan yang terbesar pernah diberikan oleh penganjur di negara ini berbanding larian sama yang dianjurkan di tempat lain” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Terdahulu, beliau menyampaikan tajaan pembelian 4,000 naskhah akhbar *Mingguan Malaysia* dan *Kosmo! Ahad* yang akan digahikan kepada para peserta pada hari larian diadakan.

Dalam pada itu, Mohd. Hatta berkata, setakat hari ini pihaknya telah menerima sambutan penyertaan yang amat menggalakkan daripada penduduk negeri ini dan negeri-negeri berhampiran.

“Kira-kira 5,000 peserta telah



PEGAWAI Pemasaran Zon Tengah 3, Ahmaddin Mahmood, (kiri), menerima replika tajaan 4,000 naskhah akhbar *Mingguan Malaysia* dan daripada Mohd. Hatta Said di Pejabat Utusan Melayu Seremban, semalam.

mengesahkan penyertaan mereka untuk menyertai larian itu dan bagi tujuan itu kita telah melanjutkan tempoh pendaftaran kepada sehingga 26 Mac depan ia itu sehari sebelum larian diadakan pada 27 Mac depan,” katanya.

Sehubungan itu, kata beliau, sesiapa yang berminat untuk menyertai larian itu boleh menghubungi MTPN di talian 06-7659870 atau melayari laman web rasmi larian itu di www.nilai3halfmarathon.com.